

Beri tumpuan kepada pelajaran

► Peringatan kepada pelajar baru UMS Kampus Sandakan

Oleh YUSOP TEPPU

SANDAKAN: Semua pelajar dinasihat supaya memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran dan memanfaatkan segala peluang yang ada untuk menimba ilmu serta mengasah bakat dengan sebaik mungkin untuk menjadi insan yang berjaya.

“Berusahalah menjadi yang terbaik kerana dalam dunia yang kompetitif hari ini hanya yang terbaik akan berjaya,” kata Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Datuk Zakaria Haji Mohd Edris.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa menghadiri Program Bersama Pemimpin sempena Minggu

Suai Mesra Kali Ke-22, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan di Hub Pendidikan Sandakan kelmarin.

Zakaria berkata, pihak kerajaan negeri sentiasa mengalu-alukan semua pelajar sama ada yang datang dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ataupun dari luar negara untuk menimba ilmu di UMS.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gum-Gum menzahirkan rasa bangga apabila dimaklumkan bahawa Fakulti Pertanian Lestari (FPL), UMS Kampus Sandakan bakal menerima pelajar dari negara Thailand melalui program pertukaran pelajar.

“Ini adalah satu perkembangan yang baik

dalam usahameningkatkan lagi jaringan kerjasama khususnya dalam bidang pertanian serta menaikkan lagi nama UMS dan negeri Sabah di mata dunia,” katanya.

Menyentuh mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2012) yang membenarkan mahasiswa terlibat dalam persatuan atau kumpulan termasuk parti politik ketika di luar kampus, Zakaria memberitahu bahawa tujuan akta itu ialah supaya sifat pasif dan berdiam diri pelajar dapat dibuang.

Namun katanya, penglibatan pelajar mempunyai had tertentu di mana mereka tidak boleh menjadi ahli persatuan atau pertubuhan yang menyalahi undang-undang di dalam atau di luar Malaysia, menjadi ahli



ZAKARIA (dua kanan) bersama Wan Mohammad menghadiri Majlis Ikrar dan Aku Janji pelajar baharu Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan.

persatuan atau pertubuhan yang ditetapkan oleh lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti, terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus dan tidak terlibat dengan perhimpunan yang boleh menggugat

keselamatan negara.

Sementara itu, Zakaria juga menghadiri Majlis Ikrar dan Aku Janji oleh 104 pelajar baharu FPL sesi 2016/2017 UMS Kampus Sandakan.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Pertanian Lestari Profesor Dr. Wan Mohammad

Wan Othman, para pensyarah dan kakitangan FPL, Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Gum-Gum Kamal M Said, Pegawai Kemajuan Masyarakat Gum-Gum Rosly Aziz serta kakitangan UPPM Gum-Gum.